

Pusat pengajian Eropah perlu diselia kerajaan

BH 29/6/03

BANGI: Pusat pengajian berkaitan Eropah yang dicadangkan seharusnya dikendalikan sendiri oleh kerajaan dengan dana tempatan bagi memastikan tiada campur tangan asing.

Pengerusi Program Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr Nik Anuar Nik Mahmud, berkata kerajaan harus sedia mengeluarkan dana untuk tujuan itu sekiranya penyelidikan yang dilakukan adalah untuk kepentingan negara.

Jika mengharapkan dana asing ia sama seperti penjajahan baru kerana biasanya maklumat penyelidikan yang diperoleh menggunakan dana asing akan pergi kepada pembiaya, katanya kepada *Berita Minggu* di pejabatnya, di sini, baru-baru ini.

Profesor Nik Anuar, diminta mengulas cadangan penubuhan institut berkenaan yang disebut Naib Pengerusi Umno, Datuk Seri Najib Razak pada perhimpunan Agung Umno ke-54 minggu lalu.

Cadangan itu disebut sekali lagi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sewaktu ucapan penggulungan dan pada Rabu lalu, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata, kabinet bersetuju menubuhkan Kursi Kajian Bangsa Eropah bagi menjalankan penyelidikan dalam pelbagai aspek mengenai bangsa berkenaan.

Profesor Nik Anuar berkata, memang banyak dana asing yang sanggup membiayai penyelidikan sekiranya ia bersesuaian dengan matlamat dan keperluan mereka, oleh itu seharusnya kita tidak berharap kepada dana luar.

Bagi negara luar, ada beberapa kekangan untuk mereka membuat penyelidikan di negara-negara tertentu seperti masalah bahasa dan sebagainya tetapi dengan menyediakan dana kepada penyelidik tempatan mereka akan mendapat maklumat yang dikehendaki, katanya.

Katanya, ini kerana, penyelidik tempatan mempunyai akses untuk banyak pusat dan dengan orang tertentu di negara mereka bagi mendapatkan maklumat penyelidikan.

Ditanya dengan keadaan begini mungkin penyelidik tempatan akan menghadapi kesukaran untuk membuat penyelidikan di negara-negara Eropah, beliau berkata, masyarakat Eropah memberi kebebasan kepada orang luar untuk melihat rekod mereka.

“Mereka ini golongan penjajah dan bangga jika orang luar melihat rekod mereka,” katanya.

Berhubung penubuhan institut itu, Profesor Nik Anuar berkata, ia mungkin bertujuan memberi pemahaman kepada masyarakat tempatan terhadap bangsa Eropah dan ada dua perkara mengenai mereka yang boleh kita pelajari iaitu tamadun dan politik.